



# SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

---

TARIKH : 25 Mei 2021

KEPADA: PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN DAN NAKHODA KAPAL

## PEKELILING PELABUHAN NO. 5/2021

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT MENGANGKUT DALAM PELABUHAN

---

#### 1. SKOP

1.1. Permohonan oleh pemilik kapal, ejen perkapalan atau nakhoda kapal bagi mendapatkan Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan. Permohonan ini terpakai kepada kapal-kapal yang mengangkut barang-barang daripada satu tempat ke suatu tempat yang lain dalam Pelabuhan Pulau Pinang.

#### 2. OBJEKTIF

2.1. Menyelaras dan menetapkan prosidur serta keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemohon bagi mendapatkan Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan.

#### 3. PROSIDUR

3.1. Pemohon hendaklah menggunakan Borang Permohonan/ Pembaharuan Surat Kebenaran Mengangkut Barang Dalam Pelabuhan seperti di **Lampiran A** yang boleh dimuat turun di laman sesawang [www.penangport.gov.my](http://www.penangport.gov.my).

3.2. Dokumen-dokumen sokongan seperti berikut perlu disertakan dengan lengkap dalam permohonan:

- *Certificate of Malaysian Registry/* Lesen Bot yang masih sah laku; dan
- *International Load Line Certificate* yang masih sah laku.

3.3. Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

3.4. Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan yang telah lulus diserahkan kepada pemohon dan satu salinan akan dimajukan kepada pihak Jabatan Laut Wilayah Utara (JLWU) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

3.5. Carta alir prosidur mendapatkan Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan adalah seperti di **Lampiran B**.

#### 4. BAYARAN

4.1 Bayaran permit, plat pendaftaran, buku permit dan butirannya adalah seperti jadual di bawah.

BIL	ITEM	BAYARAN	
1.	Sepasang nombor plat	RM 5.00	
2.	Sebuah buku permit	RM 6.00	
3.	Bayaran untuk permit bagi tempoh setahun atau sebahagian daripadanya:		
		Tanpa enjin	Dengan Enjin
	Bagi setiap kapal berat kasarnya 5 tan sehingga 25 tan	RM 12.00	RM 36.00
	Bagi setiap kapal berat kasarnya melebihi 25 tan sehingga 50 tan	RM 24.00	RM 72.00
	Bagi setiap kapal berat kasarnya melebihi 50 tan sehinggga 75 tan	RM 36.00	RM 108.00
	Bagi setiap kapal berat kasarnya melebihi 75 tan sehingga 100 tan	RM 48.00	RM 144.00
	Bagi setiap kapal berat kasarnya melebihi 100 tan	RM 48.00 dan RM 12.00 bagi setiap tambahan 25 tan atau sebahagian daripadanya	RM144.00 dan RM 36.00 bagi setiap tambahan 25 tan atau sebahagian daripadanya
4.	Pindamilik, jual, gadai dan sebagainya	RM 5.00	

4.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus ke akaun bank seperti berikut,

**NAMA AKAUN : SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**  
**NOMBOR AKAUN : 8603 2246 66**  
**BANK : CIMB ISLAMIC**

## 5. TERMA DAN SYARAT

5.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pengurus Kanan Operasi dan Kawal Selia, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di alamat berikut:

Nama Pegawai : Puan Norlida Saad Binti Md Saad

No Telefon : 04-2633211

Alamat Emel : norlida@penangport.gov.my

**AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG  
PERATURAN-PERATURAN KEBENARAN MENGANGKUT BARANG  
DALAM PELABUHAN SURUHANJAYA PELABUHAN  
PULAU PINANG TAHUN 1958  
(Peraturan-Peraturan 15 dan 19)**

Borang permohonan/pembaharuan Surat Kebenaran Mengangkut  
Barang-barang dalam Pelabuhan

**BAHAGIAN I**

(Hendaklah diisi oleh tuan punya kapal jika ia bukannya rakyat Malaysia atau jika ia hendak mewakili orang lain memohon surat kebenaran itu)

Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

\* Saya/kami tuan punya kapal yang telah diberi Lesen Pejabat Syahbandar/Sijil Berat Muatan (Load Line Certificate)

Nombor .....

dengan ini mewakilkan .....

di alamat .....

meminta satu Surat Kebenaran Mengangkut Barang Dalam Pelabuhan bagi kapal tersebut di atas dan saya/kami bersetuju surat kebenaran itu diberi kepada orang yang diwakilkan.

Tandatangan tuan punya .....

Alamat .....

*\* Potong mana yang tidak terpakai*

**BAHAGIAN II**

1. Nama Pemohon ..... No. K/P .....

2. Nama-nama lain (jika ada) .....

3. Alamat .....

Saya dengan ini menyatakan bahawa saya adalah tuan punya/orang yang diwakilkan oleh tuan punya kapal yang berkehendakkan Surat Kebenaran Mengangkut Dalam Pelabuhan untuk membenarkan kapal yang disebutkan dibawah ini mengangkut barang-barang dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam Pelabuhan Pulau Pinang.


Jenis Kapal (sebutkan sama ada kayu, besi dsb. sama ada lighter, tongkang atau barge dan sebagainya terdedahkan atau tertutup dan telah dibuat di mana)	Berjentera atau tidak	Berat dengan muatan	Butir-butir Lesen Pejabat Syahbandar atau Sijil Berat Muatan Barang: Nombor, tarikh dikeluarkan, tarikh tamat tempoh sah, Pelabuhan tempat ia dikeluarkan	Sebutkan sama ada kapal hendaklah digunakan di Pulau Pinang untuk sementara atau selamalamanya	Jika sementara sebutkan berapa lama hendak digunakan di Pulau Pinang	Jika Permintaan ini ialah untuk meminta tukar surat kebenaran sila beri nombor surat kebenaran dahulu

Dengan ini saya mengaku bahawa saya telah membaca Peraturan-peraturan Surat Kebenaran Mengangkut Barang Dalam Pelabuhan, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Tahun 1958 yang berkuatkuasa pada masa ini dan saya faham serta bersetuju akan mengikut Peraturan-peraturan itu.

Tandatangan Pemohon .....

Alamat .....

**CARTA ALIR PROSIDUR PERMOHONAN PERMIT  
MENGANGKUT DALAM PELABUHAN**



- Muat turun borang di [www.penangport.gov.my](http://www.penangport.gov.my) (Sudut Pengguna Pelabuhan)
- Serahan borang permohonan dan dokumen sokongan. Permohonan baru boleh dihantar secara *online* manakala permohonan bagi pembaharuan adalah secara serahan tangan.
- Salinan asal dokumen sokongan perlu dikemukakan bagi tujuan pengesahan
- Semakan oleh Marin SPPP
- Permohonan diproses
- Pengeluaran inoivis kepada pemohon
- Jelas bayaran oleh pemohon
- Penyerahan Buku Permit dan Plat Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan
- Tamat.